

PENDIDIKAN

LIMA disaran tonjol pameran sains teknologi angkasa lepas

Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi atau LIMA adalah acara berprestij, pameran udara dan maritim berkaitan penerbangan komersial dan pertahanan yang diadakan secara dwi-tahunan di Pulau Langkawi, Kedah. Ia platform terbaik bagi pengeluar dan industri aeroangkasa dan maritim untuk mempromosikan teknologi terkini kepada semua yang berminat.

Tahun 2015 boleh dianggap sebagai paling memberangsangkan pernah diadakan kerana jumlah peserta pada tahun ini ialah 512 syarikat daripada 36 buah negara. LIMA 2015 juga mencatatkan sejarah berikutan kehadiran kesemua 10 Menteri Pertahanan ASEAN. Selaras dengan dasar dan hala tuju negara ke arah mencapai Wawasan 2020, pencapaian taraf sebuah negara yang benar-benar maju hanya boleh dicapai jika negara berjaya mengatasi cabaran strategik, salah satunya kemajuan keupayaan sains dan teknologi negara. Oleh itu, pendekatan menjadikan LIMA sebagai salah satu platform mencapai matlamat tersebut dilihat mampu menjadikannya batu loncatan ke arah pencapaian hasrat Malaysia menjadi sebuah masyarakat berasaskan sains dan teknologi yang progresif.

LIMA 2015 menyaksikan pelancaran Pelan Induk Aeroangkasa Kedua 2030 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang mana industri aeroangkasa disasarkan menjadi salah satu enjin pertumbuhan utama ekonomi Malaysia dalam dekad akan datang. Pelan ini juga dijangka membantu negara menjana pendapatan melebihi RM32.5 bilion dan bersedia menyediakan 35,000 pekerjaan berpendapatan tinggi menjelang 2030. Selaras dengan usaha ini satu badan khas iaitu Agensi Penyelarasan Aeroangkasa Negara juga telah ditubuhkan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Beri ruang yang sama

Maka amat penting untuk disarakan supaya LIMA pada masa akan datang memberi keutamaan juga kepada industri angkasa lepas. Di samping sains teknologi penerbangan udara dan maritim yang sudah sedia mendapat tempat di acara LIMA, sektor angkasa lepas disarankan diberi ruang yang sama selaras dengan penajaan namanya sebagai 'Pameran Aeroangkasa dan Maritim'. Penggunaan perkataan 'aeroangkasa' mengandungi dua istilah berbeza iaitu 'aero' dan juga 'angkasa', yang mana istilah aero merujuk kepada hal berkaitan penerbangan udara (yang berada di dalam ruang lingkup atmosfera); manakala istilah angkasa pula ia-

nya merujuk kepada hal yang berkaitan penerbangan di angkasa lepas (yang berada di luar ruang lingkup atmosfera). Maka jika perkataan aeroangkasa digunakan, sebetulnya pameran ini akan merujuk kepada dua cabang sains dan teknologi serta industri iaitu yang berkaitan dengan penerbangan udara dan juga angkasa lepas.

Sektor angkasa lepas dilihat sebagai satu peluang yang amat cerah untuk diterokai bersama, lebih-lebih lagi ia salah satu cabang yang berpotensi besar melonjak negara mencapai status negara maju pada tahun 2020. Melalui LIMA, Malaysia mampu menjadi negara aeroangkasa nombor satu di Asia Tenggara. Ini juga sejajar dengan usaha yang dilakukan oleh Pusat Inovasi Aeroangkasa Malaysia (AMIC) yang giat menyediakan platform sewajarnya untuk memperkasa pemain industri ini terutamanya industri kecil dan sederhana. Projek Asia Aerospace City di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) tajaan MARA juga dilihat akan mampu menyumbang kepada industri ini dan menggunakan platform LIMA sebagai landasan memperkenalkan dan

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

mempromosikan teknologi mereka yang terkini.

Wajar diberi perhatian

Golongan belia adalah golongan sasar yang boleh diketengahkan dalam industri aeroangkasa, lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan sains dan teknologi angkasa lepas. Walaupun bidang angkasa lepas masih dianggap baharu di Malaysia dan tidak sematang sektor penerbangan komersial, na-

mun ianya wajar diberi perhatian serius sejajar dengan matlamat Wawasan 2020.


Ya bukan sahaja bertujuan melahirkan teknologi atau produk terkini berkenaan satelit, malah juga yang berkaitan dengan komponen dan reka bentuk pesawat penerbangan komersial pelancangan angkasa lepas, penyediaan lapangan terbang pesawat komersial angkasa lepas, industri makanan, pakaian atau kostum, ubatan dan lain-lain yang difikirkan perlu untuk perkembangan sains dan teknologi angkasa lepas sekarang atau pada masa akan datang.

Amatlah diyakini bahawa minda anak muda negara adalah kreatif dan berinovasi, mampu digarap dan digilap ke arah industri angkasa lepas terutamanya dalam hal reka cipta dan pembuatan. Minda yang berinovasi, kreatif dan berwawasan mampu membawa negara dan rakyat menjana pendapatan lumayan melalui perkembangan sains teknologi angkasa lepas.

Dr Che Zuhaida Saari,

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.

“Sektor angkasa lepas dilihat sebagai satu peluang yang amat cerah untuk diterokai bersama, lebih-lebih lagi ia salah satu cabang yang berpotensi besar melonjak negara mencapai status negara maju pada tahun 2020. Melalui LIMA, Malaysia mampu menjadi negara aeroangkasa nombor satu di Asia Tenggara”



Pelajar sekolah merupakan kumpulan sasaran yang sesuai untuk diterapkan minat sains teknologi angkasa lepas bagi mengasah minda mereka menjadi lebih kreatif dan berinovasi.

[FOTO HIASAN]